



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
MINISTRY OF WOMEN, FAMILY
AND COMMUNITY DEVELOPMENT
Aras 36, No.55,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 PUTRAJAYA,
MALAYSIA.

Tel : 03 - 8000 8000
Faks : 03 - 8323 2003
Portal Rasmi : www.kpwkm.gov.my
Email : ksu@kpwm.gov.my

SULIT

Ruj. Kami : KPWK(S):18/15/01 Jld. 15 (3)

Tarikh : 1 Oktober 2018

Senarai seperti edaran

YBhg. Datuk / Dato' / YBrs. Dr. / Tuan / Puan,

**TANGGUNGJAWAB PEGAWAI AWAM TERHADAP PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN AWAM BERDASARKAN TATAKELAKUAN
PEGAWAI AWAM**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk / Dato' / YBrs.
Dr. / Tuan / Puan mengenai perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk / Dato' / YBrs. Dr. / Tuan / Puan sedia maklum, sebagai jentera Kerajaan yang melaksanakan segala dasar dan keputusan Kerajaan, pegawai awam perlu **menumpukan seluruh usaha dan tenaga** ke arah **penyampaian perkhidmatan** yang **berintegriti dan mengutamakan kepentingan rakyat**.

3. Walaubagaimanapun, isu – isu atau aduan – aduan pelanggaran tatakelakuan serta teguran – teguran audit terutama yang sering berulang secara tidak langsung **menjejaskan penyampaian perkhidmatan** serta **imej perkhidmatan awam, Kementerian serta jabatan dan agensi** di bawahnya.

SULIT

SULIT

4. Kementerian amat **memandang serius** perkara ini kerana ia menunjukkan bahawa pegawai yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas telah **melanggar tatakelakuan** pegawai awam yang ditetapkan dalam **Peraturan 4, Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993** yang seterusnya boleh diambil tindakan tatatertib yang sewajarnya.
5. Sehubungan itu, bagi memastikan komitmen dan dasar Kerajaan dapat dilaksana sepenuhnya, **semua** pegawai awam hendaklah memastikan **tugasan dilaksana dengan berintegriti**. Rujukan dalam pelaksanaan tugas perlu dibuat sepenuhnya ke atas **semua peraturan yang berkuatkuasa termasuklah Garis Panduan serta Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan**.
6. Pada masa yang sama, **Ketua Jabatan** adalah bertanggungjawab untuk **memastikan perkara di perenggan 5 diambil tindakan** di samping turut melaksanakan **kawalan dalaman** atau **langkah pencegahan** sama ada dalam bentuk **pemantauan, naziran atau lain – lain kaedah yang bersesuaian**.
7. Selaras dengan **Peraturan 3C, Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993** juga, Ketua Jabatan perlu turut menjalankan **kawalan serta pengawasan tatatertib ke atas pegawai dan kakitangan bawahannya**. Sebarang pelanggaran tatakelakuan hendaklah dilaporkan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib untuk tindakan selanjutnya.
8. Perkara ini hendaklah diambil perhatian **serius** oleh **semua** dan **dipanjangkan sehingga ke peringkat negeri, daerah serta institusi**. Ini adalah penting bagi memastikan **penyampaian perkhidmatan kepada rakyat adalah yang terbaik** dan usaha – usaha ke arah **pemantapan integriti pegawai awam dapat ditingkatkan**.

SULIT


9. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada :
Unit Integriti
Aras 30, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
No. 55 Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya
Tel : 03-8323 1132 / 1134
Emel : integriti@kpwkm.gov.my

10. Di atas kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / YBrs. Dr. / Tuan / Puan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK DR. ROSE LENA BINTI LAZEMI)

s.k

TKSU (S)

TKSU (O)